

RENCANA UTAMA

NURU BAZLIAH (kanan) gembira apabila Kalam berjaya memamatkan sarjana dalam jurusan syariah di Universiti Malaya pada tahun 2016.

RAKAN sekerja di Jakim, Putrajaya banyak membantu Kalam (kanan) memudahkan urusan kariernya.

Kalam, Zahidi, Bazliah pekerja OKU berjaya

Meskipun bergelar orang kelainan upaya cacat penglihatan akibat kemalangan jalan raya, Mohd. Kalam Mazad Abd. Rahman kembali bangkit sehingga berjaya dalam pelajaran dan kerjaya.

APABILA tersedar daripada tidurnya, Mohd. Kalam Mazad Abd. Rahman, 40, merasakan seluruh tubuhnya sakit-sakit, lalu dia membuka mata, namun pandangannya gelap gelita.

“Adakah saya bermimpi? Tiba-tiba saya terdengar suara emak bertanya, Kalam boleh lihat tak wajah emak?” kenang Mohd. Kalam Mazad menceritakan kali pertama hidupnya bergelar orang kelainan upaya (OKU) cacat penglihatan.

Kehilangan salah satu nikmat Allah SWT memberi tamparan hebat dalam hidup lelaki yang berasal dari Batu Pahat, Johor itu.

Dia yang mesra disapa Kalam telah terlibat dalam kemalangan yang turut mengorbankan seorang rakannya di Beserah, Kuantan, Pahang pada Februari 1998. Dia pula koma selama sembilan hari.

Ujarnya, selepas tamat peperiksaan akhir semester di Kolej Ugama Sultan

Zainal Abidin kampus Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu, kini dikenali sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin, mereka memutuskan untuk bersiar-siar di Kuantan.

Bagaimanapun, hasrat mereka untuk berehat dan menenangkan fikiran selepas lebih sebulan berhempas pulas mengulang kaji pelajaran berakhir dengan tragedi.

“Sebelum kemalangan itu, mak sudah berpesan supaya tidak ke mana-mana kerana dia dan ayah akan mengambil saya di kolej tetapi saya degil.

“Kami menyewa Proton Iswara Aeroback untuk ke Kuantan. Apabila sampai ke lokasi kejadian, kereta yang saya pandu terbabas lalu melanggar sebatang pokok,” katanya sambil mengimbas memori hitam tersebut.

Ibunya, Zainab Jelani telah meninggal dunia pada 9 Oktober 2016 akibat kencing manis. Kalam menjalani kehidupan yang dahulunya terang, namun berubah gelap akibat kemalangan tersebut.

Walaupun begitu semangatnya untuk meneruskan hidup tidak pernah luntur. Undangan perkahwinan daripada rakannya pada tahun 2001 membuka mindanya untuk menyambung pelajaran. Ia gara-gara dia tidak mempunyai wang untuk menghadiri majlis perkahwinan rakannya itu.

Dia menyuarakan hasrat kepada bapanya seorang pesara kerajaan, Abd. Rahman Ibrahim, 71, untuk melanjutkan pengajian.

Sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang syariah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kalam

mempelajari huruf-huruf Braille di Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) selama enam bulan.

Dia yang cepat belajar, bukan sahaja berjaya merangkul diploma dan ijazah, malah mempunyai kelulusan sarjana dalam bidang sama. Lebih manis, dia berjaya berkhidmat sebagai kakitangan awam di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam di Jabatan Percetakan sejak 2008.

ZAHIDI

Kakitangan awam

Dengan nada teruja, Kalam memberitahu, dirinya merupakan satu-satunya OKU yang bekerja di jabatan itu. Dia berbangga apabila dapat menggalas tanggungjawab menyediakan risalah dan majalah yang diterjemahkan ke dalam bentuk Braille untuk golongan OKU cacat penglihatan.

Dia menjadikan karya-karya daripada beberapa mufti di negara ini sebagai rujukan sebelum diterjemahkan ke dalam bentuk Braille untuk didedarkan ke MAB, UM, Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis) dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan (SMPKP) secara percuma.

Karya-karya itu akan dimuat naik melalui komputer yang mempunyai sistem khas khusus untuk OKU penglihatan. Melalui sistem berkenaan, Kalam dapat mendengar bacaan melalui suara komputer sebelum ditaip menggunakan mesin Braille.

“Semasa menuntut di UM, saya perhatikan sukar untuk mencari kitab dalam tulisan Braille. Kami perlu meminta

KALAM melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dalam bidang syariah.

pertolongan rakan untuk membacakannya. "Disebabkan itu, semasa diberitahu rakan tentang kekosongan jawatan ini melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), saya terus memohon dan tidak sangka rezeki berpihak kepada saya," katanya.

Kemudahan

Bapa kepada dua cahaya mata itu turut memaklumkan, pekerjaan tersebut merupakan rezeki pertamanya dan kekal sehingga hari ini. Dia senang bekerja di situ kerana dikelilingi rakan solat yang tidak lokek membantu dalam mempermudah urusan hariannya.

Ditambah pula, lokasi pejabat Jakim terletak di Presint 2, Putrajaya bersebelahan dengan Masjid Tuan Guru Mizan yang memudahkannya untuk beribadat dan menunaikan solat Jumaat. Jakim turut menyediakan kemudahan kenderaan untuk mengambil dan menghantarnya pulang dari tempat kerja ke rumah.

Selain melakukan terjemahan, Kalam juga memberi khidmat kaunseling kepada individu yang memerlukan nasihat atau pendapat sama ada melalui panggilan telefon atau menerusi perjumpaan.

"Sebagai contoh, jika seseorang itu memerlukan panduan hidup setelah melakukan zina atau pasangan suami isteri yang mengalami masalah rumah tangga, saya akan memberi nasihat dan cara penyelesaian sewajarnya kepada mereka," tuturnya yang telah melayari bahera perkahwinan selama lapan tahun bersama Nurul Baziliah Fakhru Razi, 40.

Nurul Baziliah yang juga OKU penglihatan berkhidmat sebagai guru bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Persint 18 (1). Dia yang bergelar guru sejak 11 tahun lalu sentiasa komited dalam menjalankan tanggungjawab



ZAHIDI (depan kiri) bersama rakan-rakan sepasukan yang mewakili Melaka dalam sukan bowling.

sebagai isteri, ibu dan pendidik.

Saban hari, dia akan bangun sekitar 4.30 pagi untuk menyiapkan sarapan dan keperluan dua anaknya yang berusia tujuh tahun dan lapan bulan sebelum dihantar ke pengasuh.

"Selepas bangun pagi, kami sekeluarga akan solat Subuh berjemaah sebelum menghantar anak ke pengasuh. Kemudian pukul 6.30 pagi, van akan ambil saya, suami dan rakan-rakan lain untuk dihantar ke tempat kerja.

Tahur hakiki

"Setelah tiba di sekolah, saya akan menyiapkan modul pelajaran yang akan diajar pada hari berkenaan. Syukur sepanjang menjadi guru, saya tidak mempunyai kesulitan besar," jelasnya yang mendapat pendidikan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur.

Nurul Baziliah merupakan OKU separa buta. Dia mengalami penyakit itu secara tiba-tiba ketika berumur 13 tahun. Amat jelas, walaupun golongan ini kurang sempurna, kudrat dan semangat yang ada tidak pernah disia-siakan demi menabur bakti dan berkhidmat untuk negara.

Sementara itu, **Pembantu Tadbir Pengkeranian dan Operasi di Institut Perlindungan Rumah Budak Laki-laki Tun Abdul Aziz, Melaka, Zahidi Lamsah, 41**, berkata, dia yang lumpuh

dari paras dada ke bawah akibat kemalangan jalan raya pada tahun 1995 menunggu hampir lapan tahun untuk berkhidmat sebagai perjawat awam.

"Setiap tahun saya akan memohon SPA dan selepas empat kali gagal, kali kelima baru saya berjaya. Itupun, saya berada dalam tempoh simpanan selama tiga tahun sebelum dipanggil menjalani sesi temu duga.

"Kini, sudah tujuh tahun saya memegang jawatan ini. Saya melakukan tugas kemasukan penghuni baharu, pengurusan gaji, pencen, persaraan kakitangan, surat-menyurat dan kemas kini kursus," ujarnya yang berasal dari Merlimau, Melaka.

Anak keenam daripada lapan beradik itu bergantung sepenuhnya pada kerusi roda untuk bergerak. Dia yang boleh memandu sendiri meletakkan komited tinggi terhadap pekerjaan yang digemarinya.

Ditanya apakah kesukaran yang dihadapi semasa bekerja, Zahidi memberitahu, ruang pejabat terhad dan dokumen yang disimpan tinggi membuatkan pergerakannya agak terbatas.

"Rakan sekerja banyak membantu saya untuk mengambil dokumen yang tinggi. Mereka tidak kisah membantu tetapi saya berasa segan," ujarnya yang aktif bermain sukan bowling.

RENCANA UTAMA



ISTERI, Lina Aziz (kanan) sentiasa menyokong karier Zahidi.

INFO Hari Pekerja

- Tema Hari Pekerja 2017 ialah Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi
- Tahun ini sambutan Hari Pekerja ke-44
- Bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman mengemukakan tanggal 1 Mei sebagai hari kelepasan am bagi pekerja Malaysia pada tahun 1972
- Ia bagi memperingati perisihan bersejarah pada 1 Mei 1896 iaitu persatuan buruh di Amerika Syarikat melancarkan mogok untuk mendesak majikan mengiktiraf waktu bekerja lapan jam sehari

Pendapatan untuk sara hidup OKU

ORANG kelainan upaya (OKU) perlu mempunyai semangat dan usaha yang tinggi untuk berjaya dalam apa sahaja yang dilakukan.

Walaupun kehidupan berbeza dengan individu normal, ia bukanlah satu penghalang untuk mereka mencapai impian.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Abdul Halim Mansor berkata, kekurangan mereka hanya terletak pada fizikal, sementara pada akhirnya golongan OKU tetap seperti manusia normal yang mempunyai



ABDUL HALIM

perasaan dan hati. "Mereka juga mempunyai keinginan untuk berjaya sama seperti masyarakat di luar sana."

"Justeru, ramai OKU di luar sana telah membuktikan bahawa kekurangan diri bukan satu alasan untuk berjaya sama ada dalam bidang pendidikan mahupun pekerjaan," ujarnya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Abdul Halim memberitahu, golongan OKU juga ramai yang berjaya kerjaya, malah tidak kurang mempunyai perniagaan

sendiri seperti menjual minyak wangi sehingga bergelar jutawan.

"Tambahnya pula, sudah banyak peluang pekerjaan dibuka kepada golongan istimewa ini antaranya, pasar raya Mydin, McDonald's, Starbucks dan Kentucky Fried Chicken.

"Ia kerana syarikat-syarikat berkenaan tahu golongan OKU juga mempunyai cita-cita, harapan dan komitmen tinggi untuk menggalas tanggungjawab. Mereka juga sedar yang OKU juga memerlukan pendapatan untuk menyara hidup," tuturnya sambil memaklumkan bagi sektor penjawat awam, kerajaan

menyasarkan dua peratus kakitangan adalah golongan OKU.

Sementara itu, Abdul Halim turut meminta masyarakat mengubah persepsi bahawa golongan OKU merupakan satu beban kerana mereka kini pandai berdikari.

"Cuma apa yang diperlukan di sini adalah lakukan sedikit pelaburan infrastruktur kepada OKU bagi memudahkan pergerakan mereka.

"Pelaburan ini dilakukan sekali sahaja seperti menyediakan tandas OKU di setiap pejabat atau petak parkir khusus untuk mereka," ujarnya.